

BAB 2 : PENDAPATAN DAN PENGGUNAAN PENDAPATAN INDIVIDU

SPM2004

1. Maklumat berikut menunjukkan butiran pendapatan dan bayaran yang telah dibuat oleh Encik Zain dan pelepasan cukai yang dibenarkan.

Butiran	Pendapatan/ Bayaran
	RM
Pendapatan tahunan	30 000
Caruman bulanan KWSP	275
Bayaran zakat	400
Premium insurans nyawa	1 560
Rawatan ibu bapa	1 200
Cukai pendapatan tahunan	500
Pelepasan cukai yang dibenarkan	
Diri sendiri	RM8 000
Isteri	RM3 000
Anak (seorang)	RM800
Caruman KWSP dan Premium insurans nyawa (maksimum)	RM5 000

Encik Zain mempunyai seorang isteri yang tidak bekerja dan 2 orang anak yang belum bersekolah.

Hitungkan pendapatan boleh cukai Encik Zain.

- A. RM11 340
 B. RM12 400
 C. RM26 065
 D. RM26 465
2. Individu menabung bagi tujuan
- I kegunaan semasa kecemasan
 II menampung kos pendidikan anak pada masa hadapan
 III membeli alat kelengkapan rumah
 IV memperoleh keuntungan
- A. I, II, dan III
 B. I, II, dan IV
 C. I, III, dan IV
 D. II, III, dan IV

3. Encik Azman menerima gaji RM3 500 sebulan. Kadar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi pekerja ialah 11% dan bagi majikan ialah 12%. Hitungkan caruman Encik Azman dalam setahun.

- A. RM385
 B. RM805
 C. RM4 620
 D. RM5 040

4. Antara berikut, yang manakah merupakan faedah sampingan dalam pemilihan sesuatu pekerjaan?

- I Subsidi tempat tinggal
 II Kemudahan pengangkutan
 III Peluang kenaikan pangkat
 IV Rawatan perubatan percuma

- A. I, II, dan III
 B. I, II, dan IV
 C. I, III, dan IV
 D. II, III, dan IV

SPM2005

1. Antara berikut, yang manakah upah benar?

- A. Upah yang diterima dalam bentuk wang
 B. Upah yang diterima pada suatu tempoh tertentu.
 C. Kemampuan menghasilkan barang dan perkhidmatan.
 D. Kemampuan upah wang untuk membeli barang dan perkhidmatan.

2. Berikut adalah pernyataan mengenai sejenis pendapatan.

Pendapatan yang diterima tanpa menyumbang tenaga dalam proses pengeluaran

Antara berikut, maklumat yang manakah berkaitan dengan jenis pendapatan tersebut?

- I Keuntungan peniaga restoran
- II Biasiswa pelajar universiti
- III Bonus tahunan kerani firma guaman
- IV Pencen pesara polis

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan IV
- D. III dan IV


3. Berikut adalah maklumat mengenai Puan Aini.

Puan Aini seorang ibu tunggal yang mempunyai 3 orang anak. Seorang anak beliau belajar di universiti tempatan, manakala 2 lagi masih belajar di sekolah menengah. Pendapatan tahunan beliau ialah RM20 000. Daripada jumlah itu, RM2 200 dicarumkan kepada KWSP, RM300 untuk potongan cukai pendapatan dan RM250 untuk bayaran zakat harta benda.

Hitungkan perbelanjaan penggunaan Puan Ani jika tabungan tahunan ialah RM3 800.

- A. RM13 450
- B. RM13 700
- C. RM16 200
- D. RM17 250

4. Rajah dibawah menunjukkan pendapatan boleh guna



Apakah A dan B ?

	A	B
A	Caruman KWSP	Membayar zakat
B	Potongan Tabung Haji	Membayar cukai pendapatan
C	Caruman PERKESO	Membayar sewa rumah
D	Potongan pinjaman koperasi	Membayar cukai tanah

5. Pilih langkah penyediaan belanjawan peribadi yang baik.

- I Mencatat semua perbelanjaan yang dilakukan
- II Menyusun perbelanjaan mengikut keutamaan
- III Mengenal pasti punca pendapatan dan potongan wajib
- IV Mengimbangkan pendapatan boleh guna dengan perbelanjaan

- A. I, II, III, dan IV
- B. II, III, IV dan I
- C. III, I, II, dan IV
- D. IV, I, II, dan III

SPM2006

1. Pengurus bank, Pengurus Ladang, dan Pengurus Kilang adalah contoh pekerjaan yang terdapat dalam sektor ekonomi. Tentukan sektor ekonomi yang betul bagi contoh pekerjaan tersebut.

	Pengurus Bank	Pengurus Ladang	Pengurus Kilang
A	Sektor utama	Sektor ketiga	Sektor kedua
B	Sektor kedua	Sektor utama	Sektor ketiga
C	Sektor ketiga	Sektor kedua	Sektor utama
D	Sektor ketiga	Sektor utama	Sektor kedua

2. Berikut adalah maklumat mengenai Puan Lina.

Puan Lina, pemilik sebuah restoran, bekerja sebagai seorang pengurus syarikat dengan gaji RM3 000 sebulan. Beliau mempunyai simpanan RM18 000 di dalam akaun simpanan tetap dan mendapat faedah 10% setahun. Anak sulung beliau memberi RM200 setiap bulan. Selain itu, beliau juga menyewakan dua buah rumah kedainya dengan kadar bulanan RM300 sebuah. Sebagai pemilik sebuah restoran, beliau memperoleh keuntungan sebanyak RM1 500 sebulan.

Berapakah jumlah pendapatan bulanan yang diterima oleh Puan Lina?

- A. RM5 250
- B. RM5 450
- C. RM6 800
- D. RM7 100

3. Pendapatan boleh guna boleh dibelanjakan untuk perkara-perkara berikut **kecuali**

- A. Sewa rumah
- B. Ansuran kereta
- C. Premium insurans nyawa
- D. Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

4. Apakah perbezaan antara keperluan dengan kehendak?

	Keperluan	Kehendak
A	Untuk keselesaan hidup	Untuk meneruskan hidup
B	Pelbagai pilihan barangan	Pilihan barangan terhadap
C	Mempunyai barang pengganti	Tiada barang pengganti
D	Harga lebih stabil	Harga tidak stabil

5. Berikut adalah langkah penyediaan belanjawan peribadi.

Langkah	Keterangan
I	Catatkan perbelanjaan harian, perbelanjaan tetap dan perbelanjaan tidak tetap
II	Menyusun perbelanjaan mengikut keutamaan.
III	Kenal pasti punca pendapatan dan potongan wajib.
IV	Memastikan perbelanjaan tidak melebihi pendapatan boleh guna
V	Baki pendapatan ditabungkan.

Apakah susunan yang betul?

- A. I, II, III, IV dan V
- B. II, IV, I, III dan V
- C. I, IV, II, III dan V
- D. III, I, II, IV dan V

SPM2007

1. Jadual di bawah menunjukkan peratus pekerjaan penduduk di daerah Sri Maju.

Pekerjaan	Peratus (%)
Ejen insurans	10
Penternak	25
Tentera	20
Juruteknik kilang	15
Pembantu kedai	30

Berapakah peratus penduduk yang terlibat dalam sektor ketiga?

- A. 30%
- B. 40%
- C. 55%
- D. 60%

2. Jadual di bawah menunjukkan pendapatan dan perbelanjaan Encik Zaki bagi bulan April.

Butiran	RM
Upah	2 500
Makanan dan minuman	800
Bonus	1 200
Dividen	100
Premium insurans	200

Berapakah jumlah pendapatan Encik Zaki?

- A. RM4 000
 B. RM3 800
 C. RM3 700
 D. RM2 500
3. Jadual di bawah menunjukkan upah wang dan harga purata barang mulai tahun 2002 hingga 2005.

Tahun	Upah Wang (RM)	Harga Purata Barang (RM)
2002	1 000	50
2003	1 100	45
2004	1 200	52
2005	1 300	70

Pada tahun berapakah upah benar paling tinggi?

- A. 2002
 B. 2003
 C. 2004
 D. 2005
4. Antara yang berikut, yang manakah faktor mendorong individu bekerja dengan pihak lain?

- I Menerima gaji tetap
 II Peluang kenaikan pangkat
 III Berani menanggung risiko
 IV Bebas membuat keputusan

- A. I dan II
 B. II dan III
 C. III dan IV
 D. I dan IV

5. Antara yang berikut, yang manakah potongan wajib?

- I Caruman PERKESO
 II Ansuran kereta
 III Premium insurans
 IV Cukai pendapatan perseorangan

- A. I dan II
 B. II dan III
 C. III dan IV
 D. I dan IV

6. Antara yang berikut, tindakan yang manakah meningkatkan pendapatan boleh guna individu?

- I Penurunan kadar caruman KWSP
 II Kenaikan jumlah pelepasan cukai pendapatan individu
 III Penurunan kadar caruman PERKESO
 IV Kenaikan kadar cukai pendapatan individu




- A. I, II, dan III
 B. I, II, dan IV
 C. I, III, dan IV
 D. II, III, dan IV

7. Pernyataan manakah menunjukkan perbezaan antara keperluan dan kehendak individu?

	Keperluan	Kehendak
A	Tidak dipengaruhi oleh pendapatan	Dipengaruhi oleh pendapatan
B	Barang yang pelbagai jenis	Barang yang sama jenis
C	Tidak mempunyai unsure kemestian	Mempunyai unsure kemestian
D	Harga barang tidak dikawal oleh kerajaan	harga barang dikawal oleh kerajaan

SPM2008

1. Gambar yang manakah menunjukkan contoh pekerjaan dalam sektor ketiga?



2. Manakah antara yang berikut merupakan bayaran pindahan?
- Sewa rumah
 - Wang pampasan
 - Dividen Amanah Saham Bumiputera
 - Faedah tabungan
3. Rumus berikut digunakan dalam pengiraan suatu pendapatan.

$$\text{Pendapatan} - \text{Potongan wajib} = X$$

Apakah X ?

- Pendapatan boleh cukai
 - Pendapatan boleh guna
 - Pendapatan individu
 - Pendapatan benar
4. Butiran yang manakah merupakan pelepasan cukai pendapatan perseorangan?
- Zakat
 - Perubatan ibu bapa
 - Premium insurans nyawa
 - Faedah atas pinjaman
5. Mengapakah individu menyediakan belanjawan peribadi?
- Dapat membuat pelaburan
 - Memperoleh keuntungan maksimum
 - Berbelanja berdasarkan pendapatan
 - Dapat mengutamakan barang kehendak
6. Tentukan langkah penyediaan belanjawan peribadi mengikut urutan yang betul.
- Mencatatkan semua perbelanjaan
 - Mengenal pasti punca pendapatan
 - Menyusun perbelanjaan mengikut keutamaan
 - Mengimbangkan anggaran pendapatan boleh guna dengan perbelanjaan
- I, II, III dan IV
 - I, III, II dan IV
 - II, I, III dan IV
 - II, III, I dan IV
7. Persamaan berikut merupakan satu rumus dalam ekonomi.

$$\text{Tabungan} = \text{Pendapatan boleh guna} - U$$

Apakah U?

- Cukai pendapatan perseorangan
- Perbelanjaan penggunaan
- Pelaburan
- Zakat